



**UCAPAN**

# **BAJET 2018**

**MEMPERKASAKAN EKONOMI, MENSEJAHTERAKAN RAKYAT**

**17 NOVEMBER 2017 ( 28 SAFAR 1439H )**



**OLEH**

**YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN  
KETUA MENTERI SABAH MERANGKAP MENTERI KEWANGAN**

**Bismillahir Rahmannir Rahim,**

Tuan Speaker,

1. Saya mohon mencadangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2018 untuk kelulusan Dewan yang mulia ini.

### **MUKADIMAH**

2. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Setinggi-tinggi rasa kesyukuran dan segala puji-pujian dirafakkan kehadiran Allah Subhanahu Wa Ta'ala, Tuhan Yang Maha Berkuasa.

3. Selawat dan salam juga dipanjatkan ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassallam serta keluarga dan para sahabat baginda.

4. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat sejahtera. Salam Sabah Tanah Airku, Negaraku Malaysia Sehati Sejiwa.

5. Saya bersyukur dengan limpah rahmat dan inayah Tuhan Semesta Alam, dapat saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan amanah bagi membentangkan Bajet Negeri Sabah bagi tahun 2018, pada petang hari Jumaat, 17 November 2017

bersamaan dengan 28 Safar 1439 Hijrah yang penuh dengan keberkatan ini.

6. Semoga Allah, Tuhan Yang Maha Besar merahmati dan melancarkan usaha dan perancangan kita ini. Semoga negeri kita ini beroleh keberkatan dan kemakmuran yang berkekalan hendaknya. Semoga rakyat negeri ini juga sentiasa berharmoni dan sejahtera.

7. Izinkan juga saya melontarkan rasa terima kasih atas kehadiran dan komitmen semua Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama meladeni dan mencerna intipati Bajet Negeri 2018 yang akan dibentangkan. Inilah yang kita katakan sebagai ***“bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”***.

8. Semoga kita semua bersatu hati dan bermuafakat kerana realitinya, siapapun yang ingin hidup dalam keamanan dan ketenteraman perlu bijak dan belajar mendidik hati untuk bersetuju dalam banyak perkara yang tidak dipersetujui.

Tuan Speaker,

9. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Y.A.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang dikasihi**, kerana sentiasa **berprihatin dan mengambil berat** tentang keperluan rakyat di negeri ini. Semua ini

adalah berkat **semangat permuafakatan dan keakraban yang telah terjalin sekian lama** antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

10. Dalam Bajet Nasional baru-baru ini, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan pelbagai peruntukan untuk menyantuni penyediaan dan peningkatan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan prasarana untuk kesejahteraan rakyat Malaysia di negeri ini.

11. Perhatian khusus yang diberikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kepada Negeri Sabah adalah sesuatu yang belum pernah kita alami sebelum ini. Jika dahulu kita dilihat sebagai negeri yang tertinggal jauh dari segala serba-serbi, sehingga adakalanya dipandang rendah, tetapi hari ini kita semakin dihormati dan dipandang tinggi.

12. Sejak 10 tahun kebelakangan ini, ramai pemimpin Sabah diangkat menganggotai Kabinet Persekutuan. Dan sejak 10 tahun kebelakangan ini juga, Sabah menerima pelbagai bentuk peruntukan yang besar untuk projek-projek pembangunan dari Kerajaan Persekutuan. Semua ini adalah kerana keprihatinan dan pengiktirafan yang diberikan terhadap negeri Sabah oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

## **PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI: DUNIA DAN MALAYSIA**

Tuan Speaker,

13. Pada tahun 2018 Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ekonomi global diramal meningkat kepada 3.7 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun 2017 dan 3.2 peratus pada tahun 2016. Trend positif ini berikutan daripada prospek ekonomi yang menggalakkan di kalangan Negara-negara Maju dan pengukuhan ekonomi Negara-negara Membangun dan juga Negara-negara Pasaran Baru Muncul.

14. Pengukuhan ekonomi global ini adalah seiring dengan momentum pemulihan ekonomi Negara-negara Kesatuan Eropah yang dijangkakan rancak pada tahun 2017 di samping pertumbuhan positif ekonomi Amerika Syarikat yang diramal berkembang daripada 2.2 peratus pada tahun 2017 kepada 2.3 peratus pada tahun 2018.

15. Dalam masa yang sama, kadar pertumbuhan ekonomi China diramal berkembang sederhana pada kadar 6.5 peratus pada tahun 2018. Manakala, ekonomi India pula diunjurkan meningkat kepada 7.4 peratus pada tahun 2018 berbanding 6.7 peratus pada tahun 2017 hasil daripada penstrukturan ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan.

16. Senario pertumbuhan ekonomi dunia yang positif ini membawa tarikan positif kepada pengukuhan ekonomi negara. Dalam tempoh separuh pertama tahun 2017, ekonomi negara telah merekodkan pertumbuhan pada kadar 5.7 peratus. Pertumbuhan ini adalah lebih tinggi berbanding unjuran asal sekitar 4.3 ke 4.8 peratus.

17. Momentum pertumbuhan ini dicapai berikutan pelaksanaan strategi-strategi efisien Kerajaan dan pencapaian sektor swasta yang kian mengukuh. Oleh itu, menjelang akhir tahun 2017 ini, ekonomi negara diramalkan akan berkembang antara 5.2 hingga 5.7 peratus dan diunjurkan bertumbuh sekitar 5 hingga 5.5 peratus pada tahun 2018.

18. Defisit fiskal negara juga telah berkurang kepada 3 peratus daripada KDNK pada tahun 2017 dan dijangka akan terus berkurang kepada 2.8 peratus pada tahun 2018. Rizab antarabangsa negara juga telah meningkat, dan kini bernilai RM428.63 bilion (USD101.4 bilion) berbanding RM91.73 bilion (USD21.7 bilion) ketika Krisis Kewangan Asia pada tahun 1997.

## PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI: SABAH

Tuan Speaker,

19. Dalam tempoh di antara tahun 2011 ke tahun 2016 pencapaian ekonomi Negeri Sabah semakin mengukuh dan mampan. Dalam tempoh tersebut ekonomi negeri telah bertumbuh pada kadar yang tinggi iaitu sebanyak 25 peratus. Ini membuktikan bahawa pelbagai usaha pembangunan yang telah diambil dan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri terbukti efisien dan efektif.

20. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sabah telah merekodkan peningkatan yang amat memberangsangkan daripada **RM59.3 bilion pada tahun 2011** kepada **RM73.8 bilion pada tahun 2016**. Kini ekonomi Negeri Sabah berada pada kedudukan kelima (5) tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

21. Selain itu, **pendapatan per kapita negeri** juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 7.3 peratus daripada **RM19,648 pada tahun 2011** kepada **RM21,081 pada tahun 2016**.

22. **Sektor perkhidmatan** merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri ini dan telah menyumbang sebanyak **40.8 peratus kepada jumlah KDNK Negeri Sabah** pada tahun 2016. Kepentingan sektor perkhidmatan dalam ekonomi Negeri Sabah

terbukti melalui peningkatan sebanyak 31.3 peratus sumbangannya kepada KDNK negeri dalam tempoh lima (5) tahun yang lepas.

23. **Sektor perlombongan dan pengkuarian** pula merupakan penyumbang kedua terbesar kepada ekonomi Negeri Sabah. Dengan pertambahan lebih banyak lapangan minyak baharu yang telah mula beroperasi, sumbangan sektor ini kepada jumlah KDNK negeri ini telah merekodkan peningkatan paling ketara dan telah mencecah nilai **RM21.8 bilion pada tahun 2016** berbanding **RM12 bilion pada tahun 2011**.

24. Manakala, **Sektor pertanian** pula masih merupakan antara sektor penting kepada ekonomi negeri dan menyumbang lebih kurang **20 peratus kepada KDNK** Negeri Sabah pada tahun 2016. Negeri Sabah juga masih terus kekal sebagai pengeluar terbesar minyak sawit mentah di Malaysia. Jumlah nilai eksport bagi oleokimia berasaskan sawit telah meningkat dengan ketara daripada RM43.2 juta pada tahun 2012 kepada RM554.2 juta pada tahun 2016.

25. Dari segi dagangan luar negara pula, ekonomi Negeri Sabah terus merekodkan **lebih dagangan yang positif iaitu lebih kurang RM10 bilion setiap tahun**. Pada tahun lalu, Negeri Sabah mencatatkan lebih dagangan positif sebanyak RM12.4 bilion manakala pada **separuh penggal pertama tahun ini** sahaja, jumlah lebih dagangan yang direkodkan telahpun **mencecah RM10.6 bilion**. Lebih ini adalah didorong terutamanya oleh peningkatan dalam jumlah eksport.



26. Dalam tempoh separuh penggal pertama tahun ini, jumlah nilai **eksport minyak sawit mentah** telah meningkat sebanyak 23.2 peratus dan **mencecah RM6.9 bilion**. Manakala, **eksport bagi petroleum mentah** pula telah meningkat sebanyak 47.1 peratus dan **mencecah RM10 bilion** dalam tempoh masa yang sama.

27. Pelaburan swasta bertumbuh secara sederhana dalam tempoh separuh penggal pertama tahun ini. Seperti tahun-tahun lepas, sebahagian besar pelaburan domestik adalah dalam sektor hartanah kediaman dan bukan kediaman. Dalam tempoh enam (6) bulan pertama tahun ini, **jumlah pinjaman** untuk pelaburan hartanah kediaman dan bukan kediaman yang **telah diluluskan** oleh bank-bank komersial adalah berjumlah **RM20.9 bilion**.

28. Suntikan pelaburan awam pula akan meningkat secara signifikan dengan pemberian peruntukan yang besar oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri ini yang meliputi pelbagai bidang selari dengan konsep inklusiviti. Kelancaran pelaksanaan program-program pembangunan dijangka akan berterusan termasuklah pelaksanaan projek-projek pembangunan berimpak tinggi seperti projek Lebuhraya Pan Borneo, Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah, *Jesselton Quay*, *Tanjung Aru Eco Development*, *Aeropod* dan pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar.

29. Pada tahun hadapan, ekonomi Negeri Sabah dijangka akan terus berkembang. Ini didorong oleh perdagangan global yang dijangka kian mengukuh serta pemulihan harga-harga komoditi

utama dan sokongan faktor-faktor luaran (*external factors*) yang lebih memberangsangkan. Pengukuhan ini ditambah lagi dengan adanya momentum pertumbuhan yang positif dalam sektor pelancongan, sektor pertanian, sektor pembuatan dan sektor minyak dan gas.

30. Berdasarkan persekitaran positif dan langkah-langkah strategik yang diambil oleh Kerajaan, **ekonomi Negeri Sabah dijangka akan bertumbuh pada kadar 5 hingga 5.5 peratus pada tahun 2018.**

31. Alhamdulillah dengan adanya prestasi dan prospek ekonomi yang semakin kukuh, Kerajaan Negeri akan terus komited untuk memajukan lagi negeri yang tercinta ini agar mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi dan gemilang pada masa hadapan.

## **MATLAMAT DAN STRATEGI BAJET 2018**

Tuan Speaker,

32. Kesejahteraan rakyat sentiasa dekat di hati dan di jiwa kita. Kerajaan Negeri dan rakyat adalah sehati dan sejiwa, seia dan sekata, seiring dan sejalan. Tiada siapa yang boleh menafikan pembangunan yang telah kita kecapai sejak dua puluh empat (24) tahun kebelakangan ini. Semua ini adalah hasil kewibawaan dan wawasan Kerajaan Negeri yang ditunjangi oleh Barisan Nasional.

33. Kerajaan Barisan Nasional Negeri sentiasa prihatin dan serius dalam membangunkan negeri serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Sabah. Perangkaan tahun 2016 menunjukkan pendapatan bulanan purata isi rumah negeri ini semakin meningkat. Dengan adanya kerjasama erat dan sokongan padu daripada Kerajaan Pusat, kita juga akan terus berusaha untuk meningkatkan liputan bekalan air bersih dan liputan bekalan elektrik di Negeri Sabah ke tahap yang lebih tinggi, Insya Allah

34. Justeru, kepimpinan Barisan Nasional Negeri akan terus melipatgandakan usaha untuk membangunkan negeri ini bagi mencapai kesejahteraan, kemakmuran dan kemajuan yang berterusan.

35. Pada tahun hadapan, hasil negeri dijangka akan meningkat, ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran dan kestabilan harga minyak mentah. Harga minyak kelapa sawit mentah juga dijangka menunjukkan trend yang mengukuh. Dalam pada itu, jabatan-jabatan pemungut hasil yang lain juga giat berusaha untuk meningkatkan kutipan mereka.

36. Berdasarkan anggaran kutipan hasil dalam bajet 2018 ini, kita akan mengekalkan fokus dan strategi penggubalan bajet dengan matlamat utama iaitu untuk memperkukuh dan memantapkan lagi ekonomi negeri ini serta meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat secara inklusif.

Tuan Speaker,

37. Kecekapan dan keupayaan Kerajaan Barisan Nasional dalam mentadbir dan mengurus Negeri ini sudah pun terbukti. Strategi yang diaplikasikan dalam mengelola sumber-sumber negeri secara optimum untuk menjana pembangunan ke tahap maksimum adalah satu kejayaan dan hasilnya kini telah dinikmati oleh rakyat jelata.

38. Biarpun demikian, dalam merancang untuk meningkatkan kepesatan pembangunan negeri ini, Kerajaan sentiasa peka dan sedar dengan keperluan untuk memberikan perhatian terhadap aspek-aspek tertentu seperti pemeliharaan alam sekitar dan keseimbangan wilayah. Sememangnya, keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional Negeri yang saya pimpin ini dicerminkan dalam strategi dan pengagihan peruntukan untuk pelbagai sasaran dan keperluan dalam Bajet 2018 yang akan saya bentangkan sebentar lagi.

Orkid bukan sebarang orkid

Orkid tumbuh di Sayat-sayat

Bajet bukan sebarang bajet

Bajet untuk kesejahteraan rakyat

## **Tema Bajet 2018**

Tuan Speaker,

39. Kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat adalah dua perkara yang berkaitan kerana keadaan ekonomi akan mempengaruhi taraf hidup rakyat.

40. Menyedari hakikat ini, maka tema Bajet Negeri 2018 ialah **“Memperkasakan Ekonomi, Mensejahterakan Rakyat”**. Dengan strategi untuk mengagihkan peruntukan kepada sektor-sektor produktif di bawah Bajet Negeri 2018 ini, Kerajaan yakin ekonomi negeri akan mengukuh dan memberikan kesan positif ke arah meningkatkan lagi kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

## **Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Bajet Negeri 2018**

Tuan Speaker,

41. Saya ingin menekankan bahawa, Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk merangka bajet yang terbaik biarpun kita terdedah dengan ketidaktentuan dalam persekitaran ekonomi global. Dalam Bajet Tahun 2018 ini, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan **hasil bagi tahun 2018** sebanyak **RM4,169.24 juta**.

42. Justeru, saya mohon mencadangkan **perbelanjaan tahun 2018** sebanyak **RM4,104.35 juta**. Kendatipun, kita berhadapan dengan situasi ekonomi global yang diluar kawalan kita, Alhamdulillah di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional Negeri, kita dapat merangka **bajet berlebihan atau surplus budget** sebanyak **RM64.89 juta** pada tahun 2018 (*it is a surplus budget again*).

### **ANGGARAN HASIL 2018**

Tuan Speaker,

43. Seperti yang saya nyatakan tadi, kutipan **hasil negeri pada tahun 2018** dianggarkan mencecah **RM4,169.2** juta. Unjuran hasil bagi tahun 2018 ini, menunjukkan peningkatan sebanyak 9.2 peratus berbanding anggaran asal hasil tahun 2017. Kita berkeyakinan tinggi unjuran dan sasaran hasil untuk tahun hadapan ini mampu kita capai. Daripada jumlah **RM4,169.2** juta anggaran hasil tahun 2018, sebanyak **RM1,128.8** juta atau 27.1 peratus adalah **Hasil Cukai**. Manakala, **RM2,638.9** juta atau 63.3 peratus pula adalah **Hasil Bukan Cukai** dan **RM401.5** juta atau 9.6 peratus adalah **Terimaan Bukan Hasil**.

Tuan Speaker,

44. Berikutan peningkatan harga dan pengeluaran minyak mentah dan gas asli **pada tahun 2017 ini, kita telah menerima Royalti Petroleum sebanyak RM1,246.4 juta iaitu melebihi anggaran asal RM985 juta.** Ini merupakan amaun tertinggi royalti petroleum yang pernah diterima dalam sejarah negeri. Syukur Alhamdulillah.

45. Untuk tahun 2018, **Royalti Petroleum dijangka akan meningkat lagi dengan sasaran sebanyak RM1,318 juta** iaitu 31.6 peratus daripada Hasil Negeri.

46. Bagi Cukai Jualan Negeri, Minyak Kelapa Sawit (CPO) akan terus menjadi penyumbang utama dengan jumlah RM936 juta atau 22.5 peratus daripada Hasil Negeri.

47. Manakala, cukai jualan negeri ke atas tiket loteri bagi tahun 2018 pula dianggarkan berjumlah RM60 juta.

48. Untuk tahun 2018, Kerajaan Negeri akan meningkatkan kadar cukai bagi penjualan pertaruhan melalui mesin slot **daripada 10 peratus kepada 15 peratus.** Ini adalah selaras dengan kadar semasa bagi cukai jualan negeri ke atas tiket loteri. **Kadar baharu ini akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2018.** Dengan semakan kadar ini, cukai jualan bagi mesin slot dianggarkan menyumbang sebanyak RM20 juta pada tahun 2018.

49. Kutipan hasil bagi Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) diperhatikan telah menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun hadapan, JPDS dianggarkan menyumbang sebanyak RM33.6 juta kepada Hasil Negeri.

50. Sumber-sumber hasil lain juga memainkan peranan yang penting dalam mencapai sasaran hasil pada tahun 2018. Saya telah menyarankan semua Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) untuk terus berusaha meningkatkan pendapatan dan keuntungan masing-masing agar boleh bersama-sama membantu kerajaan membangunkan negeri ini. Oleh itu, Faedah dan Perolehan dari Pelaburan dijangkakan akan meningkat kepada RM453 juta pada tahun 2018 berbanding RM325.5 tahun 2017 ini.

51. Sementara itu, beberapa jabatan pemungut hasil utama yang lain dijangka akan menyumbangkan pungutan hasil pada tahun 2018 seperti berikut:

- Jabatan Tanah dan Ukur - RM376.7 juta
- Jabatan Air Negeri Sabah - RM250.2 juta
- Jabatan Perhutanan - RM213.5 juta

52. Anggaran terimaan dan sumbangan dari Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2018 pula adalah dijangkakan sebanyak RM401.4 juta. Ingin saya tekankan bahawa ini adalah sebahagian daripada banyak lagi kemudahan kewangan yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah.



Tuan Speaker,

53. Saya juga ingin menekankan bahawa, isu tunggakan hasil adalah satu hal yang amat serius. Oleh itu, saya menyarankan agar semua jabatan, badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri yang mempunyai tunggakan hasil atau berhutang dengan Kerajaan Negeri untuk melipatgandakan lagi usaha dalam menyelesaikan masalah ini.

54. Kementerian Kewangan sentiasa bersiap siaga dengan langkah-langkah yang berkesan bagi memastikan pengurusan kewangan negeri ini terkawal. Bagi memastikan anggaran hasil negeri tahun 2018 ini dapat dicapai dengan jayanya, kerjasama, komitmen dan inisiatif semua pihak adalah penting dan amat diperlukan.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN**

Tuan Speaker,

55. Dengan mengambilkira jangkaan pungutan kutipan hasil negeri pada tahun 2018, Kerajaan akan merancang perbelanjaan sebaiknya bagi menghasilkan satu impak yang akan menguntungkan rakyat.

56. Pada masa yang sama, kita juga akan terus melaksanakan langkah-langkah perbelanjaan secara berhemat bagi mengelakkan pembaziran. Kita telah menyusun semula keutamaan perbelanjaan dan hanya akan berbelanja mengikut keperluan tanpa menjejaskan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan.

Tuan Speaker,

57. Untuk itu, bagi **perbelanjaan perbekalan** tahun 2018, saya mencadangkan agihan peruntukan sebanyak **RM4,104.35 juta** yang terdiri daripada **RM763.67 juta** untuk Emolumen, **RM1,300.85 juta** untuk Perbelanjaan Berulang dan **RM2,039.83 juta** untuk Perbelanjaan Khas.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

Tuan Speaker,

58. Bagi **perbelanjaan pembangunan** pula, saya mencadangkan sebanyak **RM1,090.06 juta** diperuntukkan pada tahun 2018. Jumlah ini merangkumi **peruntukan negeri sebanyak RM838.31 juta** dan **peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM251.75 juta**.

59. Untuk tahun 2018, Kerajaan Negeri akan mencarum sebanyak RM820 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. Ini merupakan jumlah caruman yang tertinggi setakat ini.

60. Seperti bajet tahun-tahun sebelumnya, agihan bajet pembangunan tetap memberikan tumpuan kepada pembangunan sektor ekonomi, diikuti dengan sektor sosial dan pentadbiran am dengan agihan peruntukan seperti berikut:

- i) RM454.76 juta atau 54.25 peratus untuk ekonomi;
- ii) RM313.05 juta atau 37.34 peratus untuk sosial; dan
- iii) RM70.5 juta atau 8.41 peratus untuk pentadbiran am

## **PERUNTUKAN 2018 MENGIKUT KEMENTERIAN**

Tuan Speaker,

61. Kerajaan Negeri kekal komited untuk terus memperkukuhkan agenda pembangunan negeri khususnya bagi pembangunan kawasan luar bandar, pembangunan sektor pertanian, sektor perindustrian, sektor pelancongan, pembangunan modal insan serta kesejahteraan hidup rakyat.

62. Bagi memastikan kecekapan peranan, fungsi dan tanggungjawab agensi-agensi pelaksana kerajaan, **agihan**

**peruntukan perbekalan dan pembangunan tahun 2018** bagi setiap kementerian adalah seperti berikut:

- 1) **Kementerian Kewangan:** RM1,771.58 juta perbekalan, RM16 juta pembangunan.
- 2) **Kementerian Pembangunan Infrastruktur:** RM698.24 juta perbekalan, RM260.51 juta pembangunan.
- 3) **Jabatan Ketua Menteri:** RM484.69 juta perbekalan, RM194.25 juta pembangunan.
- 4) **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan:** RM314.65 juta perbekalan, RM117.41 juta pembangunan.
- 5) **Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna:** RM140.64 juta perbekalan, RM6.66 juta pembangunan.
- 6) **Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar:** RM113.27 juta perbekalan, RM13.81 juta pembangunan.
- 7) **Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan:** RM84.15 juta perbekalan, RM25.5 juta pembangunan.
- 8) **Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat:** RM91.07 juta perbekalan, RM5 juta pembangunan.
- 9) **Kementerian Pembangunan Luar Bandar:** RM76.33 juta perbekalan, RM175.72 juta pembangunan.
- 10) **Kementerian Belia dan Sukan:** RM68.37 juta perbekalan, RM8.55 juta pembangunan.
- 11) **Kementerian Pembangunan Perindustrian:** RM15.52 juta perbekalan, RM14.90 juta pembangunan.
- 12) **Perbelanjaan yang tidak termasuk dalam mana-mana Kementerian:** RM28.95 juta perbekalan.

13) **Perbelanjaan Tanggungan:** RM216.89 juta perbekalan.

## **PEMBANGUNAN SEKTORAL**

### **Infrastruktur dan Kemudahan Awam**

Tuan Speaker,

63. Program pembangunan Infrastruktur dan kemudahan awam akan terus menjadi tumpuan dan agenda utama Kerajaan Negeri. Usaha ini bukan sahaja sebagai pemangkin untuk memperkukuhkan ekonomi negeri, tetapi juga bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan di seluruh pelosok negeri berada pada tahap yang lebih selesa dan berkualiti.

64. Kita sedar, penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalanraya, jambatan, bekalan air terawat dan sistem pembedung perlu diambil perhatian. Kemudahan prasarana ini merupakan tunjang dan nadi kepada kemajuan pembangunan sektor-sektor lain seperti sektor pertanian, sektor pelancongan dan sektor perindustrian serta perkhidmatan yang boleh memacu dan merancakkan lagi ekonomi kita.

65. Di bawah bajet 2018 ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM1,339.6 juta** untuk menyedia dan mempertingkatkan lagi kemudahan infrastruktur dan prasarana awam.

66. Daripada jumlah itu sebanyak **RM287.8 juta** diperuntukkan pada tahun hadapan bagi membolehkan Jabatan Kerja Raya melaksanakan peranan dan program-program antaranya seperti berikut:

- Membina dan menaiktaraf beberapa batang jalan di kawasan Kota Kinabalu, Penampang dan Inanam dengan kos sejumlah **RM37.5 juta**;
- Menaiktaraf beberapa batang jalan di Tamparuli, Kota Belud dan Ranau dengan kos sejumlah **RM28 juta**;
- Membaikpulih paip pembedungan lama yang telah pecah dan kerja-kerja berkaitan di Stesen Pam Central Tawau;
- Pembinaan jambatan Sungai Telangkai, Nabawan;
- Melaksanakan kajian untuk mengatasi masalah kesesakan jalanraya di beberapa kawasan kritikal di sekitar Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Likas, Inanam dan Sulaman.

67. Bagi menangani masalah kekurangan bekalan air bersih, Kementerian Pembangunan Infrastruktur melalui Jabatan Air Negeri Sabah akan terus melaksanakan perkhidmatan dan penyediaan bekalan air terawat. Untuk itu sebanyak **RM597.8** juta akan diperuntukkan pada tahun hadapan kepada Jabatan Air bagi melaksanakan operasi dan beberapa program antaranya seperti berikut:

- Kerja-kerja bagi mengatasi masalah luar jangka bagi sistem bekalan air seluruh Negeri Sabah dengan kos berjumlah **RM20 juta**;
- Pembinaan loji rawatan air, tangki simpanan, saluran paip transmisi dan agihan dengan kos berjumlah **RM48 juta**;
- Menaiktaraf sistem bekalan air Kudat Fasa III dengan kos berjumlah **RM5 juta**;
- Program mengurangkan kadar kehilangan air tidak berhasil (NRW) daerah Papar, Tambunan dan Tuaran. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW) di kawasan-kawasan ini.

68. Kita juga bersyukur kerana Kerajaan Persekutuan terus menyalurkan pinjaman mudah untuk membiayai pelaksanaan projek-projek bekalan air di negeri ini antaranya seperti berikut:

- Skim bekalan air Tawau Fasa III dengan **kos berjumlah RM470.4 juta**;
- Penambahan kapasiti Loji Rawatan Air Telibong Fasa II dengan **kos RM429.2 juta**;
- Pembinaan loji rawatan air Kundasang dengan kos berjumlah **RM161.9 juta**; dan

- Membiayai pembinaan loji rawatan air yang baru di Semporna dengan **kos RM160 juta** yang kini telah mencapai tahap 51.2 peratus pelaksanaan dan dijangka akan siap menjelang tahun 2019.

69. Manakala, dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan rel keretapi di Sabah, Jabatan Keretapi Negeri Sabah akan memberi lebih fokus untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan keretapi. Justeru itu Kerajaan Negeri akan terus menyediakan peruntukan untuk menyelenggara dan memperbaiki landasan-landasan keretapi, jalan-jalan susur, railbus serta sistem komunikasi dan isyarat jalan bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan sentiasa berada pada tahap yang memuaskan dan selamat. Untuk itu sebanyak **RM42.5 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

70. Kita juga berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana membiayai pelaksanaan projek-projek keretapi seperti berikut:

- Menaiktaraf landasan dari Halogilat ke Tenom dengan menggantikan rel daripada 60lb kepada 80lb dengan **kos RM49.6 juta** bagi membolehkan penggunaan lokomotif lebih berkapasiti tinggi, selesa dan selamat kepada penumpang.
- Penambahan 3 set Diesel Multiple Unit (DMU) lagi dengan **kos RM46 juta** yang akan membolehkan JKNS menambah jadual perkhidmatan mengikut permintaan semasa;



Tuan Speaker,

71. Kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan marin yang berkualiti dan boleh diharapkan (*reliable*) juga amat penting bagi memenuhi keperluan aspek-aspek pengawalan dan keselamatan lalu lintas air.

72. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah akan meneruskan usaha memperbaiki kemudahan-kemudahan pelabuhan dengan peruntukan sebanyak **RM24.2 juta** pada tahun hadapan, antaranya bagi melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- Pemasangan sistem pemantauan jarak jauh bagi alat bantuan pelayaran dan suar muar di kawasan had-had pelabuhan Semporna, Kunak, Tawau dan Kudat;
- Pembinaan kapal atau bot serba guna untuk menyokong dan memantau aktiviti-aktiviti perkhidmatan marin dan pelabuhan; dan
- Kerja-kerja pengukuran hidrografi di kawasan perairan had Pelabuhan Semporna.

73. Manakala bagi memastikan keberkesanan sistem pengairan dan saluran serta mengurangkan risiko banjir kilat di bandar-bandar utama mahupun di bandar-bandar kecil, Jabatan Pengairan dan Saliran pada tahun hadapan akan meneruskan pelaksanaan program-program saluran dan tebatan banjir di seluruh negeri. Untuk itu, sebanyak

**RM92.7 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2018 antaranya bagi melaksanakan projek-projek seperti berikut:

- Rancangan mencegah banjir Sungai Tawau dan bandaran Telipok;
- Saluran dan Skim tebatan banjir Kota Kinabalu yang melibatkan Bandar Sierra, Sungai Tebobon dan Sungai Rampayan;
- Saluran Bandar-bandar kecil Beaufort, Taman Jumbo dan Putatan;
- Kajian Pelan Induk Saliran bagi daerah Beluran, Telupid dan Semporna.

74. Kerajaan Negeri juga tidak melupakan malahan akan terus melaksanakan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di kawasan-kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM110.5 juta** antaranya bagi melaksanakan beberapa projek sambungan dan projek baharu seperti pembinaan pejabat Majlis Daerah Ranau, gerai sayur Kundasang, pasar awam baharu Semporna, projek terminal bas Sandakan dan pemasangan lampu-lampu jalan di Tuaran dan Menumbuk serta program landskap dan taman-taman awam di pelbagai daerah.

## **Pertanian**

Tuan Speaker,

75. Sektor pertanian adalah penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi negeri. Pada tahun 2016 sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Negeri Sabah mencecah nilai **RM14.1 bilion atau 19.1 peratus** iaitu sedikit lebih rendah berbanding sumbangan sektor perlombongan RM21.8 Bilion (29.6 peratus) dan sektor perkhidmatan RM30.1 bilion (40.8 peratus).

76. Bagi memantapkan lagi sub sektor tanaman, pada tahun 2018, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan terhadap pembangunan tanaman, penyelidikan, akreditasi dan persijilan, penguatkuasaan kuarantin, pembangunan usahawan tani serta pengeluaran tanaman makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan termasuklah tanaman makanan organik.

77. Tanaman Nanas MD2, Kelapa MATAG dan Tacunan, Pisang Sabah serta Durian Musang King akan diberi keutamaan memandangkan tanaman ini mempunyai potensi di pasaran tempatan dan juga eksport. Selain itu, tanaman kontan seperti keledak, kacang tanah dan kopi juga turut diberi tumpuan.

78. Salah satu daripada usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan tanaman makanan ialah dengan mewujudkan lebih banyak projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang menyediakan kawasan khusus dan kekal untuk pengeluaran makanan.

79. Setakat ini, sebanyak dua buah TKPM telah beroperasi (iaitu TKPM Tawau dan TKPM Sg. Koyah, Kinabatangan). Manakala, tiga buah lagi TKPM dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2018, iaitu TKPM IATC, Putatan, TKPM Masilou, Kundasang dan TKPM Keningau.

80. Pada tahun 2018, sebanyak **RM509.7 juta** akan diperuntukan untuk pembangunan sektor pertanian. Sebanyak RM59.1 juta akan diperuntukkan bagi projek pembangunan termasuk RM21.1 juta lagi di bawah projek Imbuhbalik Persekutuan.

81. Pada masa ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengurus 73 buah skim pengairan di Sabah merangkumi 16,000 hektar kawasan sawah padi, yang melibatkan sekurang-kurangnya 5,500 orang petani. Antara kawasan penanaman padi yang aktif di Sabah terletak di Kota Belud, Kota Marudu, Trusan Sapi, Sandakan, Tambunan dan Keningau.

82. Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan pendapatan para petani dan mengurangkan pengimpotan beras, pada tahun hadapan Kerajaan Negeri akan membelanjakan sejumlah **RM14.5 juta** dari bajet perbekalan untuk menyelenggara dan mengendali kesemua skim pengairan di seluruh Sabah. Manakala sebanyak **RM4.9 juta** lagi disediakan di bawah bajet pembangunan untuk **memperbaiki sistem saliran, pengairan dan sawah-sawah padi**.

83. Selain itu, kerajaan juga akan memperuntukkan sebanyak **RM17 juta** untuk **bantuan subsidi pembajakan sawah** padi kepada para

petani di seluruh negeri. Ini adalah bagi membolehkan para petani meneruskan aktiviti penanaman padi dan mengekalkan tahap sara diri (SSL) beras pada tahap 30 peratus.

84. Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada pembangunan industri madu lebah yang telah terbukti berupaya menjana pendapatan penduduk luar bandar sekitar tahun 1980an. Kini, kerajaan akan membangunkan industri madu kelulut dengan sasaran untuk menghasilkan 1,000 koloni lebah kelulut menjelang akhir tahun ini.

85. Langkah ini adalah selaras dengan penjenamaan madu kelulut sebagai *superfood* pertama Malaysia oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia pada tahun 2016. Oleh itu, kita ingin merebut peluang ini yang bukan sahaja mampu memberikan manfaat kepada pengusaha tetapi juga kepada industri makanan.

86. Bagi menjamin kebajikan para pekebun kecil getah, pada tahun hadapan Kerajaan Negeri akan memberikan insentif sebanyak **RM20 juta** kepada para pekebun-pekebun kecil untuk membantu menstabilkan harga getah di pasaran.

Tuan Speaker,

87. Industri marin dan hasil perikanan mampu menjadi satu produk utama dan sumber pendapatan ekonomi negeri. Kita sedar produk marin mempunyai prospek yang besar sebagai pemacu industri makanan dan hasil eksport negeri.

88. Dalam tempoh 2012 hingga 2016 sahaja, prestasi imbangan perdagangan bagi hasil perikanan telah menunjukkan jumlah eksport melebihi jumlah import perikanan. Ini jelas menunjukkan bahawa aktiviti eksport bagi komoditi perikanan mampu menjana pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah.

89. Dalam tahun 2016, hasil pengeluaran dari perikanan tangkap marin mencecah 159,773 tan metrik dengan nilai RM820,011,069 manakala hasil pengeluaran akuakultur adalah 221,560 tan metrik dengan nilai RM336,774,180.

90. Oleh itu, bagi merancakkan lagi pembangunan sub-sektor perikanan sebanyak **RM49.5 juta** akan diperuntukan kepada Jabatan Perikanan dan Ko-Nelayan dalam Bajet tahun 2018.

## **Industri dan Pembuatan**

Tuan Speaker,

91. Sektor pembuatan dijangka akan terus menjadi salah satu pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri pada tahun 2018. Dalam tempoh 5 tahun yang lepas sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK negeri telah meningkat sebanyak 8 peratus berbanding dengan tahun 2011 serta mencecah nilai RM 5.54 bilion pada tahun 2016.

92. Pada tahun 2016 sektor pembuatan menyumbang sebanyak 7.5 peratus kepada jumlah KDNK negeri. Sumbangan produk-produk

sektor pembuatan kepada dagangan luar juga adalah signifikan iaitu sebanyak RM2.6 billion atau 6.3 peratus kepada jumlah eksport.

93. Jika dilihat dari segi destinasi pilihan pelaburan, kita berasa bangga kerana Sabah masih berjaya meneruskan tradisi sebagai salah satu destinasi pelaburan yang paling digemari oleh pelabur di Malaysia khususnya dalam sektor pembuatan.

94. Pengaliran masuk dana pelaburan domestik dan asing, pada tahun 2016 bagi sektor pembuatan di Sabah mencatatkan kemasukan RM2.7 billion nilai projek-projek pelaburan yang telah diluluskan dan berjaya mewujudkan 4,927 peluang pekerjaan. Jumlah pelaburan terkumpul dalam sektor pembuatan dari tahun 2011 hingga 2016 telah mencecah nilai RM16.4 bilion dan mewujudkan sebanyak 16,417 peluang pekerjaan.

95. Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi membangunkan sektor perindustrian dan pembuatan di Sabah. KKIP merupakan pemangkin yang telah berjaya mengubah lanskap serta membawa pembangunan khususnya di kawasan Sepangar dan persekitaran.

96. Setakat 30 April 2017, sebanyak 260 buah kilang telah dibangunkan di KKIP meliputi kawasan seluas 2,300 ekar dan melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM2.8 bilion. Sehingga kini kawasan perindustrian KKIP ini menyediakan pekerjaan kepada seramai 8,663 orang.

97. Sejak pelaksanaannya pada tahun 1986 hingga tahun 2017, sebanyak RM615 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam bentuk geran dan pinjaman bagi merencanakan pembangunan di kawasan KKIP. Peruntukan ini melibatkan RM296 juta daripada Kerajaan Negeri dan RM319 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

98. Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP), merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan Negeri dalam membangunkan sektor perindustrian dan pembuatan khususnya dalam industri minyak dan gas di Sabah. Menyedari potensi industri minyak dan gas dalam memacu pembangunan sektor perindustrian dan ekonomi Sabah, Kerajaan Negeri pada Julai 2010 telah meluluskan pembangunan sebuah kawasan perindustrian khusus untuk industri berasaskan minyak dan gas di Mengalong Sipitang.

99. Setakat ini seluas 1,219 ekar tanah telah dibangunkan. Pada masa ini terdapat sebuah syarikat yang beroperasi iaitu Petronas Chemical Fertilizer (PCF) yang telah membangunkan kompleks kilang pembuatan bagi pengeluaran amonia dan urea di kawasan seluas 211 ekar. Usaha ini berjaya membawa masuk nilai pelaburan berjumlah **RM6.34 bilion** (USD1.5 bilion). Pada masa ini terdapat 400 orang pekerja tetap di PCF iaitu **70 peratus daripadanya adalah anak tempatan Sabah**.

100. Apabila siap beroperasi dengan sepenuhnya, kawasan perindustrian SOGIP ini dijangka mampu mewujudkan sebanyak 7,000 peluang pekerjaan. Sehingga kini kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM232.3 juta** yang terdiri daripada **RM213.8 juta**



**pembiayaan persekutuan dan RM18.5 juta pembiayaan negeri** tetapi tidak termasuk kos tanah.

101. Kerajaan Negeri tidak akan berhenti, malahan akan terus berusaha melaksanakan lagi strategi-strategi efektif bagi membangunkan industri pembuatan dengan menghasilkan produk-produk bernilai-tambah tinggi, berproduktiviti tinggi dan berdaya saing. Kerajaan Negeri menyasarkan sektor pembuatan akan mencapai sasaran 15 peratus sumbangan kepada KDNK negeri menjelang tahun 2020.

102. Dalam Bajet 2018, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM134 juta** bagi memacu pembangunan industri pembuatan dan mempergiatkan lagi usaha untuk mempromosikan peluang-peluang pelaburan dan perdagangan di Sabah. Antaranya bagi membantu membangunkan infrastruktur perindustrian dengan peruntukan sebanyak:

- **RM46.3 juta** kepada SOGIP;
- **RM32.2 juta** kepada POIC Lahad Datu;
- **RM10 juta** kepada KKIP; dan
- **RM8.7 juta** kepada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO).

103. Saya juga ingin berkongsi satu lagi kejayaan yang menjadi kebanggaan kita semua dalam sektor pembuatan ini. Berdasarkan

Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Negeri Sabah telah mencapai tahap yang memberangsangkan. Pada tahun 2016, kedudukan PKS Negeri Sabah terletak antara lima (5) yang terbaik di Malaysia dalam beberapa kategori yang telah dikenalpasti iaitu:

- **Tempat KEDUA** dalam kategori bilangan pertubuhan milik wanita paling banyak selepas Selangor;
- **Tempat KEEMPAT** dalam kategori output PKS yang paling tinggi, kategori bilangan guna tenaga yang paling ramai dan kategori nilai gaji dan upah yang paling banyak selepas Selangor, Kuala Lumpur dan Johor

## **Pelancongan**

Tuan Speaker,

104. Negeri kita kaya dengan keindahan alam semulajadi, khazanah yang kita miliki ini umpama harta pusaka yang diwarisi daripada nenek moyang, cantik dan mengujakan "*from the highest mountain to the deepest sea*". Sebut saja siapa yang tidak kenal Gunung Kinabalu, siapa yang tidak tahu Pulau Sipadan. Tempat-tempat ini mempunyai keunikan dan nama tersendiri di persada dunia.

105. Kerajaan Negeri akan terus memperhebatkan dan meningkatkan daya saing program-program pelancongan dan kebudayaan. Ini dilaksanakan dengan mempergiatkan promosi dan pemasaran dengan

lebih berkesan, mempertingkatkan kualiti produk-produk pelancongan sedia ada serta menambah produk-produk pelancongan baharu.

106. Sepanjang lapan (8) bulan pertama tahun ini, **ketibaan pelancong** ke Negeri Sabah telah mencapai lebih **2.43 juta orang**. Ini merupakan peningkatan sebanyak 10.6 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu iaitu lebih kurang 2.19 juta orang.

107. Daripada jumlah tersebut seramai **1.62 juta orang adalah pelawat domestik** manakala kemasukan **pelawat antarabangsa melebihi 810 ribu orang**. Bilangan kemasukan pelancong antarabangsa ke negeri ini sebahagian besarnya datang daripada Negara China termasuk Hong Kong, diikuti Korea Selatan dan Brunei Darussalam.

108. Dengan ketibaan dan kemasukan pelancong yang ramai ini, **jumlah resit pelancongan** yang kita terima dianggarkan sebanyak **RM5.15 bilion** iaitu peningkatan sebanyak 9.6 peratus berbanding **RM4.71 billion** bagi tempoh yang sama pada tahun lepas.

109. Alhamdulillah kita bersyukur Negeri Sabah kini semakin menjadi destinasi pelancongan pilihan masyarakat antarabangsa. Kemasukan pelancong ke Sabah mampu memberikan impak ekonomi (*economic spin-off effect*) yang positif. Untuk menyokong kelangsungan program-program pelancongan ini, sebanyak **RM228 juta** diperuntukan pada tahun hadapan.

110. Salah satu usaha kerajaan untuk memperkasa pasaran pelancongan dalam negeri ialah menumpukan kepada Pembangunan

Pelancongan Luar Bandar (*Rural Tourism Development*) dengan Kiulu dan Kadamaian dipilih sebagai projek perintis. Kerajaan juga ingin meneroka produk baharu yang dikenali sebagai “*Lung cleansing tourism*” yang melibatkan aktiviti *trekking* dan *hiking*.

111. Bagi **memulihara kesan dan peninggalan** sejarah di negeri ini pula, bangunan-bangunan **lama yang unik dan telah berusia lebih 50 tahun serta** mempunyai nilai sejarah **yang tinggi**, akan kita wartakan sebagai khazanah budaya dan akan dipromosikan sebagai produk pelancongan baharu **di Sabah, Negeri Di Bawah Bayu**. Antara bangunan yang dimaksudkan ialah:

- Dewan Turnbull, di Maktab Sabah yang juga sebahagian dari Sekolah Menengah Kerajaan yang siap dibina pada tahun 1959, sempena nama Gabenor kedua terakhir Kerajaan British North Borneo, Sir Roland Evelyn Turnbull;
- Bangunan asal Maktab Kent Tuaran yang dibina tahun 1952 merupakan institusi Pendidikan Perguruan yang tertua di negeri ini;
- Bangunan lama Wisma Radio Sabah, yang terletak di Kilometer 2.4 Jalan Tuaran, Kota Kinabalu. Bangunan bersejarah ini telah dijadikan sebagai sekretariat oleh Suruhanjaya Cobbold pada Februari 1962; iaitu kira-kira setahun tujuh bulan sebelum perisytiharan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963; serta

- Bangunan Wisma Kewangan yang dahulu dikenali sebagai **Bangunan Sekretariat atau Secretariat Building** yang dibina pada 1955 dan tempat berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dewan Undangan Negeri dan Mesyuarat Jemaah Menteri.

## **Kebajikan dan Kesejahteraan Hidup Rakyat**

Tuan Speaker,

112. Alhamdulillah Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016 yang baru dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan insiden kemiskinan di Sabah telah menurun daripada **19.2 peratus pada tahun 2009** kepada 7.8 peratus pada tahun 2012, kemudian menurun kepada 3.9 peratus pada tahun 2014 dan menurun lagi kepada **2.9 peratus pada tahun 2016**. Pendapatan isi rumah bulanan purata di Sabah juga telah meningkat sebanyak 4.6 peratus daripada RM4,879 pada tahun 2014 kepada RM5,354 pada tahun 2016.

113. Ini semua adalah berkat usaha gigih Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan selama ini dalam menggembleng masa dan tenaga demi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Harapan kita, menjelang penghujung tempoh RMKe-11 kadar ini akan berada di bawah tahap 1 peratus. InsyaAllah!

114. Ini jelas terbukti, Kerajaan Negeri yang sedang memerintah terbukti berjaya melaksanakan tanggungjawab menjaga dan memperbaiki kesejahteraan hidup rakyat. Seperti yang selalu saya

katakan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat sentiasa dekat di hati dan di sanubari kita.

115. Kita tidak akan lena dibuai mimpi dan kejayaan. Kita komited untuk terus melaksanakan program-program dan projek-projek yang bersifat *people centric* dan mesra rakyat. Kita sentiasa memikul amanah dan tanggungjawab kepada rakyat.

116. Bagi melaksanakan program-program yang bersifat *people oriented* dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di seluruh negeri sebanyak **RM422.5 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

117. Pelaksanaan program-program yang membuahkan hasil dan kejayaan seperti Mini Estet Sejahtera (MESEJ), Ladang-ladang PPRT, Program Peningkatan Ekonomi Setempat (PPES), Program Kampung Sejahtera (PKS) dan Projek-projek Pembangunan Kecil (PPK) akan terus dilaksanakan sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk mensejahterakan masyarakat di luar bandar dengan peruntukan sebanyak **RM33.5 juta** pada tahun 2018.

118. Selain itu, kerajaan juga akan terus melaksanakan program pembangunan usahawan desa, pelancongan desa, latihan keusahawanan dan pinjaman mikro kredit serta akan memperkukuhkan lagi program satu daerah satu produk sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan pendapatan golongan sasar di luar bandar. Untuk itu sebanyak **RM15.6 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

119. Orang kurang upaya (OKU), warga emas dan anak-anak yatim juga akan terus kita santuni. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (JPKAS) akan terus memberikan bantuan kebajikan kepada kumpulan yang memerlukan melalui Skim bantuan am, Bantuan OKU, warga emas dan anak-anak yatim dengan peruntukan sebanyak **RM60.3 juta** pada tahun hadapan.

120. Kerajaan Negeri juga prihatin dengan anak-anak kita yang berada di bangku sekolah. Justeru, program pemberian bantuan persekolahan seperti pakaian seragam yang lebih berkualiti, kasut sekolah dan alat tulis kepada murid sekolah rendah akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM12 juta** pada tahun hadapan.

121. Kerajaan berharap insentif ini akan dapat membantu meringankan beban kewangan ibubapa untuk menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka terutamanya bagi golongan isi rumah yang berpendapatan rendah.

### **Modal Insan dan Teknologi Maklumat**

Tuan Speaker,

122. Pembangunan modal insan berkemahiran tinggi merupakan platform terbaik untuk membawa ekonomi negeri ini beralih kepada aktiviti-aktiviti bernilai tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Tidak disangkal, pelaburan dalam modal insan ini penting untuk mengangkat bukan sahaja status sosial tetapi juga status ekonomi dan kesejahteraan hidup individu dan masyarakat.

123. Oleh itu, pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat melahirkan sumber guna tenaga yang berkualiti, berkemahiran dan berdaya saing selaras dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50). Perbezaan dalam jurang digital juga perlu diambil perhatian kerana dalam era Teknologi Maklumat ini, kemajuan dan kekayaan banyak dipacu oleh kecelikan dan kebolehan menggunakan teknologi maklumat dan internet.

124. Jelas terbukti, kemajuan sesebuah negara di seluruh dunia banyak bergantung kepada rakyat yang berilmu dan berpengetahuan. Tanpa ilmu dan maklumat, masyarakat akan terus ketinggalan dalam pelbagai aspek. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri akan terus memperkukuhkan lagi pembangunan modal insan dengan menyediakan peruntukan sebanyak **RM315.3 juta** pada tahun hadapan. Antara program yang menjadi tumpuan Kerajaan ialah menyediakan:-

- Dana sebanyak **RM40.6 juta** untuk biasiswa dan dermasiswa kepada pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi (*tertiary*);
- **RM34 juta** untuk pembangunan dan operasi sekolah agama Islam dan masjid di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah;
- **RM32 juta** untuk pembangunan keagamaan dan pusat-pusat ibadat bagi penganut bukan islam serta sekolah mubaligh dan persendirian;



- **RM29.6 juta** untuk latihan dan kursus berkaitan teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT);
- **RM18 juta** untuk pembangunan dan operasi perpustakaan termasuk perpustakaan desa dan perpustakaan bergerak di seluruh negeri Sabah;
- **RM16.3 juta** untuk pelaksanaan pelbagai latihan dan kursus kemahiran di Jabatan Pembangunan Sumber Manusia;
- **RM9.7 juta** untuk menampung pelaksanaan pelbagai program di bawah Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat;
- **RM10 juta** untuk pelaksanaan kursus-kursus di Institut-institut Pertanian; dan
- Dana khas dan kerjasama pintar dengan pihak swasta untuk membangunkan Perpustakaan Wilayah Kota Kinabalu di Tanjung Aru yang akan siap sepenuhnya pada tahun hadapan.

## **Wanita, Belia dan Sukan**

Tuan Speaker,

125. Peranan wanita tidak boleh diketepikan. Kaum wanitalah yang melahirkan generasi anak bangsa dan bakal pemimpin untuk memikul amanah mengemudi negeri ini ke mercu kejayaan. Wanita-wanita ini

jumlah yang menjadi ibu dan mencorakkan belia-belia pewaris negara. Kita sedar peranan ini bukan mudah, oleh itu dalam bajet 2018 sebanyak **RM91.4 juta** akan diperuntukkan untuk menyantuni pembangunan wanita, belia dan sukan.

126. Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) akan terus memperkasakan lagi program-program kewanitaan dengan melaksanakan pelbagai program di seluruh negeri antaranya:

- Program pembangunan keusahawanan ibu tunggal dan wanita miskin;
- Program wanita berwibawa dan kepekaan gender;
- Kerjasama dan penyaluran dana khas untuk diagihkan kepada 90 buah persatuan wanita di seluruh negeri Sabah;
- Program-program kelolaan Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) yang meliputi aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan, sosial dan undang-undang; serta
- Program-program di bawah kendalian Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK).

Serbuk halia santan kelapa

Rempah ratus kayu setinggi

Peranan wanita tidak dilupa

Bakti mereka dinilai tinggi

127. Dalam konteks belia pula, mereka mewakili sebahagian besar daripada komuniti kita, aspirasi dan denyut nadi mereka akan tetap kita dengari. Kerajaan Negeri akan terus menyediakan platform untuk mereka menonjolkan bakat dan kebolehan, memperhebatkan kemahiran dan memenuhi keperluan gaya hidup mereka. Bagi menyokong aspirasi pembangunan belia dan sukan sebanyak **RM76.9 juta** akan diperuntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan pada tahun hadapan.

128. Justeru, Pelan Strategik Pembangunan Belia Negeri Sabah dan Dasar Pembangunan Belia Negeri Sabah telah digubal untuk memberi manfaat kepada golongan belia bergerak dengan dinamik dan berkesan. Melalui Pelan Strategik ini para belia di negeri ini boleh mengasah dan mempertajamkan kemahiran berdasarkan kepada duabelas (12) domain utama iaitu:

- kepimpinan
- pendidikan
- kemahiran & keusahawanan
- kesukarelaan
- keyakinan diri
- kesejahteraan komuniti belia
- keunggulan personaliti
- integriti
- persekitaran
- pengetahuan
- kerohanian
- perpaduan

129. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan kerjasama pintar dengan memberikan hak-upaya kepada Majlis Belia Sabah bersama 14 badan gabungannya dengan lebih 180 ribu orang sukarelawan untuk mencapai sasaran pelaksanaan 1,700 “*program signature*” antaranya:

- Sambutan Hari Belia Peringkat Negeri Sabah;
- Festival Belia Peringkat Kebangsaan;
- Pertukaran belia-belia antarabangsa;
- Program kesedaran alam sekitar;
- Kempen gaya hidup emosi sihat, perpaduan sukan;
- Seminar keusahawanan; dan
- Seminar kenegaraan dan integriti di kalangan belia.

Naik sampan menuju desa

Sungai lalu di hutan simpan

Belia itu harapan bangsa

Mereka peneraju masa hadapan

130. Dalam bidang sukan pula, pencapaian kita semakin memberangsangkan. Atlet-atlet kita telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan dalam arena sukan. Pada tahun 2016, Sabah telah menyertai tiga (3) kejohanan utama dengan pencapaian yang membanggakan antaranya:

- Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-18 Sarawak 2016, dengan pencapaian 25 pingat Emas, 37 pingat Perak dan 38 pingat Gangsa. Kita berada pada kedudukan ke-7 secara keseluruhan,

iaitu peningkatan dua anak tangga berbanding pada Temasya SUKMA Ke-17 di Perlis 2014.

- Sukan Paralimpiad Malaysia Ke-18 Sarawak 2016. Kontinjen Sabah telah memperolehi 25 pingat Emas, 23 pingat Perak dan 26 pingat Gangsa dengan kedudukan no. 4 secara keseluruhan.

131. Pencapaian atlet Sabah khususnya semasa Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur, September yang lalu juga amat membanggakan. Atlet dari Sabah telah berjaya membantu mengharumkan nama negara dengan menyumbang 9 pingat emas, 2 pingat perak dan 6 pingat gangsa.

132. Manakala tahun hadapan pula, kita akan turut serta dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-19 di Perak, Sukan Borneo, Sukan BIMP-EAGA dan menganjurkan Sabah Games (SAGA).

133. Saya berharap pencapaian begini akan terus kita tingkatkan, dan menjadi pembakar semangat untuk kita terus maju dalam arena sukan bukan sahaja di peringkat nasional, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

## **PENCAPAIAN AGENSI AWAM**

Tuan Speaker,

134. Dalam usaha melaksanakan agenda pembangunan negeri, Kerajaan Negeri sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian

badan-badan berkanun, agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri akan terus mengambil inisiatif untuk memastikan badan-badan berkanun, agensi-agensi dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan sentiasa relevan, berdaya maju serta mempunyai halatuju dan wawasan merealisasikan dasar dan polisi kerajaan.

135. Saya ingin menekankan bahawa, ekspektasi Kerajaan negeri terhadap prestasi badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan Negeri adalah tinggi. Semasa Kursus Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri pada 14 Ogos 2017 yang lalu, saya telah menegaskan bahawa mana-mana badan berkanun dan agensi Kerajaan Negeri yang memperolehi keuntungan semasa perlulah membayar mimimum 15 peratus dividen di samping membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Arahan ini perlu dilaksanakan sepanjang masa.

136. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat Oktober 2017, Kerajaan Negeri telah **menerima dividen** daripada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti berikut:

- (i) Perbadanan Pinjaman Sabah;
- (ii) Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd;
- (iii) Suria Capital Holdings Berhad;
- (iv) Sabah Development Berhad (SDB);
- (v) Sawit Kinabalu Sdn. Bhd;
- (vi) Progressive Insurance Berhad;
- (vii) Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd;

- (viii) Saham Sabah Berhad;
- (ix) Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd;
- (x) Desa Plus Sdn. Bhd;
- (xi) KKIP Sdn. Bhd; dan
- (xii) Korporasi Pembangunan Desa.

137. Manakala badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang telah **membayar balik pinjaman** termasuk faedah kepada Kerajaan Negeri ialah:

- (i) Perbadanan Pinjaman Sabah;
- (ii) Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO);
- (iii) Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar;
- (iv) KKIP Sdn. Bhd;
- (v) Korporasi Pembangunan Desa;
- (vi) Tabin Wildlife Holidays Sdn. Bhd; dan
- (i) Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah.

138. Sukacita juga saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada organisasi-organisasi Kerajaan Negeri yang telah dianugerahkan penarafan 5 bintang oleh Jabatan Audit Negara di atas pengurusan kewangan yang cemerlang kepada 25 daripada 35 buah organisasi yang diaudit pada tahun 2015 dan 22 daripada 31 buah organisasi pada tahun 2016.

## PERUNTUKAN KHAS

Tuan Speaker

139. Sebagaimana yang saya bentangkan dalam Bajet 2017 yang lalu, dan dalam Bajet tahun 2018 ini juga, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk menyediakan Peruntukan Khas bagi program-program khas baharu selain dari program sedia ada yang telah dicadangkan dan dilaksanakan oleh semua kementerian, jabatan dan agensi.

140. Peruntukan tambahan ini adalah khusus untuk strategi dan pendekatan baharu yang bakal mendatangkan manfaat secara langsung kepada pelbagai segmen masyarakat. Selain bertujuan memastikan lebih banyak program yang berorientasikan rakyat, peruntukan tambahan dan program baharu ini adalah tanda kesyukuran kita atas kejayaan peningkatan signifikan hasil Kerajaan Negeri yang ingin kita kongsi dan kembalikan kepada rakyat secara keseluruhannya.

141. Untuk itu, Kerajaan Barisan Nasional Negeri yang prihatin ini akan meningkatkan lagi Peruntukan Khas ini **LEBIH 100 PERATUS** iaitu daripada **RM53 juta** pada tahun 2017 kepada **RM115 juta** pada tahun 2018.

142. Antara program yang akan dilaksanakan di bawah Peruntukan Khas Bajet 2018 ini adalah melibatkan beberapa segmen masyarakat seperti berikut:



Pertama: **RM5 juta** untuk memperkasakan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan sosial kaum wanita dan ibu tunggal;

Ke-2: **RM6 juta** diperuntukkan kepada warga emas yang meliputi:

- 1) RM5 juta untuk memenuhi keperluan harian serta meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan hidup warga emas; dan
- 2) Merintis pelaksanaan Program PANTAS Warga Emas untuk memberikan bantuan subsidi kepada warga emas dalam proses pecah geran tanah keluarga dan pemilikan sedia ada. Sebanyak RM1 juta disediakan sebagai peruntukan permulaan.

Ke-3: Untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pula, selain daripada bantuan kebajikan yang telah saya umumkan tadi, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program khas untuk golongan OKU dengan peruntukan sebanyak **RM8 juta** bagi tujuan seperti berikut:

- 1) RM5 juta untuk menyantuni keperluan golongan OKU serta bagi meningkatkan keyakinan diri dan memupuk jati diri mereka dalam kehidupan bermasyarakat;
- 2) Geran Pembangunan Usahawan OKU (GP-OKU) bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam bidang

keusahawanan dan perniagaan dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

- 3) Menambahbaik dan menyediakan kemudahan-kemudahan awam yang lebih **MESRA OKU** bagi membolehkan mereka melaksanakan urusan seharian dengan lebih mudah. Sebanyak RM2 juta diperuntukkan dan program ini akan dimulakan di Bandaraya Kota Kinabalu, Perbandaran Sandakan dan Perbandaran Tawau.

Ke-4: **RM10 juta** untuk Yayasan Usaha Maju (YUM) meneruskan program mikro kredit kepada kumpulan sasar dan orang-orang miskin;

Ke-5: **RM5 juta** untuk membantu membangun dan meningkatkan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS);

Ke-6: **RM5 juta** untuk meningkatkan kesejahteraan di kampung-kampung mundur melalui Program Kampung Sejahtera;

Ke-7: **RM5 juta** untuk para belia di bawah program *Youth Entrepreneurship Scheme Sabah* dan *Youth Excellence in Sports Scheme Sabah* di bawah Kementerian Belia dan Sukan Sabah;

Ke-8: **RM8 juta** diperuntukkan untuk gerakan meningkatkan penyertaan pelbagai segmen masyarakat dalam pelaksanaan agenda Kerajaan melalui penubuhan Institut

Kerjasama Kerajaan dan Rakyat (IKRAR) di bawah Jabatan Ketua Menteri. IKRAR dipertanggungjawab melaksanakan Skim Jaya Diri Perantis Anak Sabah (SYABAS), Skim Pementoran Kerjaya (SKOR) dan Geran Pengupayaan serta Pengiktirafan Kecemerlangan. Semua ini adalah bagi menelusuri aspirasi generasi anak muda.

Ke-9: **RM5 juta** bantuan khas kewangan kepada pelajar-pelajar anak Sabah yang melanjutkan pengajian ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT);

Ke-10: Manakala, bagi merangsang dan merancakkan lagi pembangunan sektor pelancongan khususnya di kawasan luar bandar dan bagi menggalakan penglibatan komuniti setempat, sebanyak **RM12 juta lagi peruntukan tambahan** disediakan khusus kepada Kementerian Pelancongan Kebudayaan dan Alam Sekitar serta para penggiat seni seperti berikut:

- 1) RM5 juta untuk menggalakkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam industri pelancongan luar bandar (*rural tourism*) dalam menyedia kemudahan pelancongan khususnya seperti program inap desa (homestay), pusat rekreasi dan tandas-tandas awam di pusat-pusat pelancongan;
- 2) RM2 juta kepada masyarakat luar bandar yang berminat untuk membangun dan menaikkan produk eko-pelancongan dan alam sekitar di luar bandar (*rural*

*tourism*) serta usaha-usaha perlindungan dan konservasi spesies penyu di Sabah;

- 3) RM2 juta untuk menggalakkan penyertaan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar bagi membangun dan mengkomersialkan produk-produk pelancongan berasaskan ukiran, kraftangan dan kebudayaan etnik;
- 4) Kerajaan juga tidak melupakan para penggiat dalam industri kreatif dan seni. Oleh itu, sebanyak RM3 juta disediakan untuk dinikmati oleh para penggiat seni, pemuzik, penyanyi, penari serta persatuan penulis, penggiat budaya dan karyawan di Sabah mengetengah dan memajukan bakat-bakat serta menerbitkan karya-karya mereka;

Ke-11: Bagi menyediakan persekitaran yang lebih ceria, kondusif, bersih dan selamat di kawasan-kawasan awam, sebanyak **RM15 juta** lagi disediakan kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu untuk menambahbaik tempat-tempat tersebut di bawah program-program seperti berikut:

- 1) Membantu para peniaga dan penjaja kecil membaikpulih gerai-gerai yang usang dan rosak, menyediakan tong-tong sampah bagi mewujudkan

persekitaran yang lebih bersih dan selesa kepada masyarakat dengan peruntukan sebanyak RM7 juta;

- 2) Mempertingkat dan membaikpulih kemudahan-kemudahan awam seperti tandas, *playground*, *jogging track*, taman-taman awam, penanaman pokok-pokok, mengecat bangunan-bangunan usang dan pemasangan alat pemantauan CCTV di tempat-tempat awam dengan peruntukan sebanyak RM8 juta;

Ke-12: **RM3 juta** disediakan untuk Geran dan Tabung Pengembangan Perniagaan Koperasi-Koperasi (GP-KOP) di akar umbi:

Ke-13: **RM10 juta** dalam bentuk pinjaman mudah kepada Koperasi Pekerja-pekerja Kerajaan Sabah Berhad (KOPEKS);

Tuan Speaker,

Ke-14: Kita juga sedar saban hari, kian banyak keperluan mendesak dan kebajikan rakyat yang perlu ditangani. Kita juga menyedari bahawa Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri terutama Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Nasional telah berkerja keras tanpa mengenal penat lelah bagi membantu dan menjaga kebajikan rakyat di negeri ini. Oleh itu, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dan sentiasa berusaha untuk menangani keperluan rakyat, Kerajaan Negeri akan meningkatkan **LAGI** peruntukan Sentuhan Kasih daripada

**RM500,000 kepada RM800,000 untuk setiap kawasan Dewan Undangan Negeri pada tahun hadapan.**

## **PENJAWAT AWAM**

### **Menghargai Penjawat Awam**

Tuan Speaker,

143. Untuk para penjawat awam negeri. kita sedar mereka ini adalah nadi utama jentera dan pentadbir perkhidmatan kerajaan. Oleh itu, Kerajaan Negeri juga ingin membawa khabar gembira kepada para Penjawat Awam Negeri Sabah.

144. Seperti yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberikan bantuan khas kewangan sebanyak RM1,500 kepada semua anggota perkhidmatan awam negeri Sabah. Bayaran bantuan khas ini akan dibuat secara dua kali iaitu RM1,000 pada bulan Januari 2018 dan RM500 lagi dibayar menjelang Hari Raya Aidilfitri tahun hadapan.

Cantik tingkap kerana tabir  
Cantiknya budi kerana bahasa  
Penjawat awam cekap mentadbir  
Memajukan negeri aman sentosa

## **PENUTUP**

Tuan Speaker,

145. Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang bekerja, bukannya berpolitik sepanjang masa. Justeru, sudah menjadi tradisi dan amalan kita selama ini untuk turun padang dan mengadakan lawatan kerja ke seluruh pelosok negeri Sabah. Alhamdulillah, saya datang dan melawat dengan pasukan kerja yang lengkap, bersama-sama dengan Barisan Jemaah Menteri, Setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha Persekutuan, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

146. Tanpa mengira hujan dan panas, hari bekerja atau hujung minggu, dari kawasan pedalaman yang terpencil di Pegalungan dan Long Pasia, menuju ke Kampung Entilibon di tengah-tengah Negeri Sabah sehinggalah menjangkau ke kampung Taka Pitas, di Bahagian Utara, semua telah kita santuni dan akan terus kita berikan pembelaan.

147. Kita boleh memilih untuk sekadar menerima laporan dalam mesyuarat atau mendengar taklimat dalam pejabat yang berhawa dingin dan selesa, tentang apa yang berlaku di peringkat akar umbi, tetapi ini bukanlah cara kita. Sebaliknya, kita turun padang, melawat ke daerah-daerah dan masuk ke kampung-kampung untuk berjumpa rakyat. Pendekatan turun padang ini terbukti berjaya kerana ia membolehkan kita merasai denyut nadi rakyat dengan mendapatkan

gambaran sebenar keadaan pembangunan di peringkat akar umbi dan melihat sendiri apakah masalah dan perkembangannya.

148. Hasil lawatan kerja ini, permasalahan rakyat bukan sahaja dapat disuarakan secara terus, malah dapat diatasi dan diselesaikan dengan lebih mudah. Ini kerana Menteri-menteri Kabinet yang berkaitan, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Pengarah-pengarah jabatan berkenaan dapat memberikan *response* dan cadangan dengan pantas, terhadap apa juga masalah yang dibangkitkan semasa taklimat pembangunan.

149. Ia sekaligus dapat mengurangkan karenah birokrasi dan mempercepatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat di peringkat akar umbi. Buktinya, semasa lawatan kerja ke Tenom pada bulan Julai lalu, kita telah meninjau keadaan jalan raya Rundum-Sumambu di Kemabong, dan akan membina jalan tersebut secara berperingkat; melawat program pembasmian kemiskinan MESEJ Kalayaan dan merasmikan jambatan Kampung Natanduan Melalap. Semua ini adalah permintaan rakyat.

150. Dalam lawatan ke Daerah Pitas pada awal November ini, kita turut berkongsi kesedihan dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga pelajar yang maut dan cedera dalam kemalangan jalanraya, merasmikan Dewan Masyarakat dan melawat projek perumahan rakyat yang sedang disiapkan. Maknanya, dalam lawatan kerja ini, kita tunaikan janji kita kepada rakyat di kawasan tersebut.



151. Sebagai pemimpin dan kerajaan yang bertanggungjawab, kegembiraan rakyat juga adalah kegembiraan kami. Dalam lawatan turun padang ini, dapat kita lihat wajah-wajah gembira dan ucapan terima kasih rakyat kerana sesungguhnya mereka yakin bahawa kita datang untuk menolong bukan berjanji kosong, apatah lagi bercakap bohong. Kita turun untuk bekerja bukan saja-saja. Kita datang untuk berkhidmat bukan menabur kesumat. Kita datang untuk berbakti dengan rekod dan bukti.

152. Sesungguhnya, kita sedar bahawa kuasa yang diberikan kepada kita adalah datangnye dari rakyat. Sementara kita berkuasa, ingatlah untuk selalu kembali dan menyantuni rakyat, bantulah mereka dengan kuasa yang ada kepada kita. Janganlah sesekali kita mengkhianati amanah dan kuasa rakyat. Janganlah pula, setelah tidak ada kuasa dan jawatan, barulah kita tiba-tiba sibuk untuk menjelajah dan menyapa rakyat. Janganlah kita menjadi pemimpin hipokrit yang kononnya mahu membela nasib rakyat dan kepentingan negeri Sabah, tetapi menjadikannya sebagai slogan kosong dan agenda politik peribadi semata-mata.

Tuan Speaker,

153. Penyediaan Bajet tahunan seperti ini adalah berlandaskan kepada keperluan dengan mengambilkira keupayaan serta kemampuan Kerajaan. Pokok pangkalnya, pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat tetap menjadi keutamaan. Justeru, tidak harus timbul tohmahan bahawa Bajet ini adalah gula-gula untuk rakyat. Namun, itulah sebenarnya yang digembar-gemburkan oleh mereka yang tidak senang

dengan kejayaan dan pencapaian kerajaan, terutamanya **sang pembangkang**.

154. Dari dahulu sehingga kini, Barisan Nasional tetap konsisten dengan matlamat dan perjuangannya. Walau pun pemimpin silih berganti, dasar dan agenda perjuangan Barisan Nasional tetap tidak berubah. Seperti sinar mentari yang sentiasa menerangi; walau setebal manapun awan yang menyelubungi, walau sehebat mana pun taufan yang melanda; sinar mentari pasti akan kembali menerangi, memberi cahaya dan harapan baharu untuk seluruh makhluk di muka bumi! Demikianlah semangat dan iltizam **Barisan Nasional**; sentiasa memayungi dan menerangi, demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran tanahair tercinta.

155. Betapa pun sukar lembah yang dituruni dan betapa pun payah gunung yang didaki namun kepentingan rakyat TATAP menjadi tumpuan dan agenda utama Kerajaan Barisan Nasional. Hakikatnya, Barisan Nasional adalah parti yang wujud atas perjuangan dari rakyat kepada rakyat, dari akar umbi kembali ke akar umbi, dari kota hingga ke segenap desa, dari Barat hingga ke Timur, dari Selatan sampailah ke Utara; bak maksud pantun keramat ini;

Sajak dicipta bersimpul ayat  
Ilham datang di waktu pagi  
BN berjuang membela rakyat  
Bukan BN **siapa lagi???**

156. Sabah adalah negeri yang berpotensi tinggi. Dengan lokasinya yang strategik, keindahan dan sumber alam yang tidak terkira serta kepesatan pembangunan yang luar biasa, Sabah semakin dekat di mata dunia. Kerajaan Barisan Nasional amat menyedari akan kelebihan yang kita warisi ini.

157. *Track record* membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukan hanya berupaya menyatu-padukan rakyat, bahkan mampu mengekalkan keharmonian kaum, mencipta kestabilan politik, menjamin keselamatan negara dan memperkukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri dan negara. Keupayaan dan kebolehan Kerajaan Barisan Nasional bukan hanya dapat dilihat pada hari ini, tetapi ia telah berlaku sejak lama dahulu.

158. Semua ini kita lakukan adalah untuk manfaat seluruh rakyat. Dengan usaha gigih kita, dengan azam dan iltizam yang tinggi, dengan tekad untuk terus berkhidmat dan berbakti, dan dengan semangat juang yang kental; insha Allah **KITA BOLEH** jayakan; demi Sabah yang tercinta!

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadang.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.